

18 FEB 1998

Abdullah-Iraq

MALAYSIA SAMBUT BAIK LAWATAN KOFI ANNAN KE BAGHDAD

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Malaysia menyambut baik lawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan ke Baghdad dan menganggap ianya amat penting.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Malaysia tetap membantah sebarang serangan tentera dan menggesa Iraq supaya mematuhi dan melaksanakan sepenuhnya semua resolusi Majlis Keselamatan PBB.

"Malaysia ingin mengulangi bahawa diplomasi ialah satu-satunya pilihan yang realistik dan tindakan lain tidak seharusnya dipertimbangkan...usaha berterusan dan bersepadu perlu dilakukan bagi mencari penyelesaian diplomatik," katanya ketika membaca kenyataan beliau pada persidangan berita di sini hari ini.

Dalam hubungan ini, Abdullah berkata Malaysia gembira dengan usaha Perancis, Rusia dan China yang bekerjasama ke arah mencari penyelesaian diplomatik bagi memastikan Iraq mematuhi resolusi Majlis Keselamatan yang akan membawa kepada penarikan balik sekatan terhadap negara itu.

Abdullah berkata Malaysia memandangi positif ide yang terkandung dalam inisiatif Presiden Perancis Jacques Chirac yang disampaikan semalam dalam sepucuk surat peribadinya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Surat itu diserahkan oleh utusan khas Chirac, Denis Bauchard.

"Kami berharap ia akan menyediakan ciri-ciri bagi resolusi damai dalam krisis yang sedang berlaku antara Iraq dan Unscm," katanya.

Sebelum berlepas ke India petang semalam, Bauchard berkata Perancis menyokong lawatan Kofi Annan ke Baghdad untuk mendapatkan penyelesaian diplomatik.

Abdullah berkata dalam melaksanakan mandatnya, Suruhanjaya Khas PBB (Unscm) yang ditugaskan mencari senjata pemusnah di Iraq perlu menghormati kedaulatan, kewibawaan wilayah dan maruah negara itu.

"Malaysia difahamkan bahawa Unscm telah membuat kemajuan dalam beberapa aspek dan memintanya kekal berkecuali dan menyediakan penilaian yang objektif, menyeluruh dan adil dalam tugasnya," kata beliau.

Abdullah juga berkata bahawa terdapat bahaya besar jika serangan itu diteruskan kerana ia mungkin merosakkan alam sekitar serta menjejaskan keseimbangan politik dan keselamatan. -- BERNAMA

MAM NAK MAI